



## SOALAN LAZIM (FAQ)

### PERNIKAHAN DALAM TEMPOH PKP 2.0 DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

- S:** Bilakah SOP Majlis Akad Nikah dalam tempoh PKP berkuatkuasa?
- J:** Prosedur Operasi Standard (SOP)/ Garis Panduan Majlis Akad Nikah Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan mula berkuatkuasa pada **13 Januari 2021** dan SOP Majlis Akad Nikah PKPB/PKPP adalah ditangguhkan.



LAMAN WEB RASMI  
[www.jawi.gov.my](http://www.jawi.gov.my)



FACEBOOK  
JAWIWP



INSTAGRAM  
jawi\_kl



TWITTER  
myJAWI



YOUTUBE  
myJAWI KL



FLICKR  
myjawikl



## SOALAN LAZIM (FAQ)

### PERNIKAHAN DALAM TEMPOH PKP 2.0 DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

**S:** Sekiranya surat Kebenaran Berkahwin telah tamat tempoh, apa yang perlu saya buat?

**J:** Surat Kebenaran Berkahwin yang telah tamat dalam tempoh PKP akan dilanjutkan **dua (2) bulan** bermula dari tarikh kebenaran berakhir. Pemohon hendaklah hadir semula ke JAWI untuk membuat penyambungan tempoh sah Kebenaran Berkahwin.



LAMAN WEB RASMI  
[www.jawi.gov.my](http://www.jawi.gov.my)



FACEBOOK  
JAWIWP



INSTAGRAM  
jawi\_kl



TWITTER  
myJAWI



YOUTUBE  
myJAWIKL



FLICKR  
myjawikl



## SOALAN LAZIM (FAQ)

### PERNIKAHAN DALAM TEMPOH PKP 2.0 DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

- S:** Adakah Majlis Akad Nikah dalam tempoh PKP ini masih dibenarkan untuk diadakan di masjid-masjid atau premis luar sepetimana dalam SOP Majlis Akad Nikah PKPB?
- J:** Pelaksanaan Majlis Akad Nikah dalam tempoh PKP ini hanya dibenarkan diadakan di JAWI Kuala Lumpur, Cawangan Putrajaya dan Cawangan Labuan sahaja bagi pasangan yang telah mendapat Kebenaran Berkahwin daripada JAWI.



LAMAN WEB RASMI  
[www.jawi.gov.my](http://www.jawi.gov.my)



FACEBOOK  
JAWIWP



INSTAGRAM  
jawi\_kl



TWITTER  
myJAWI



YOUTUBE  
myJAWIKL



FLICKR  
myjawikl



## SOALAN LAZIM (FAQ)

### PERNIKAHAN DALAM TEMPOH PKP 2.0 DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

- S:** Apakah prosedur yang perlu diketahui oleh pasangan yang memohon untuk melangsungkan pernikahan di Wilayah-Wilayah Persekutuan dalam tempoh PKP 2.0?
- J:** Prosedur yang perlu diketahui oleh pasangan yang memohon untuk melangsungkan pernikahan di Wilayah-Wilayah Persekutuan dalam tempoh PKP 2.0 adalah seperti berikut :
- (a) Pasangan (pengantin lelaki dan perempuan) bermastautin di Wilayah-Wilayah Persekutuan;
  - (b) Memohon kebenaran berkahwin seperti biasa dengan mengisi borang secara dalam talian terlebih dahulu dengan melayari [www.sppim.gov.my](http://www.sppim.gov.my) dan menyerahkan borang yang telah lengkap ke kaunter BPPK JAWI;

Bersambung...



LAMAN WEB RASMI  
[www.jawi.gov.my](http://www.jawi.gov.my)



FACEBOOK  
JAWIWP



INSTAGRAM  
jawi\_kl



TWITTER  
myJAWI



YOUTUBE  
myJAWIKL



FLICKR  
myjawikl



## SOALAN LAZIM (FAQ)

### PERNIKAHAN DALAM TEMPOH PKP 2.0 DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

- (c) Setelah mendapat kebenaran berkahwin, pasangan perlu membuat temujanji dengan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' (PNCR) bagi mendapatkan tarikh dan waktu akad nikah;
- (d) Pasangan perlu mematuhi **Garis Panduan Majlis Akad Nikah Dalam Tempoh PKP 2.0** yang dikeluarkan oleh JAWI;
- (e) Pasangan perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Am Pelaksanaan Majlis Sosial dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN);

Bersambung...



LAMAN WEB RASMI  
[www.jawi.gov.my](http://www.jawi.gov.my)



FACEBOOK  
JAWIWP



INSTAGRAM  
jawi\_kl



TWITTER  
myJAWI



YOUTUBE  
myJAWIKL



FLICKR  
myjawikl



## SOALAN LAZIM (FAQ)

### PERNIKAHAN DALAM TEMPOH PKP 2.0 DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

- (f) Kehadiran ke majlis akad nikah terhad kepada 10 orang termasuk pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali, wakil keluarga pengantin lelaki, wakil keluarga pengantin perempuan dan jurufoto;
- (g) Jurunikah dan dua orang saksi adalah dari pihak JAWI;
- (h) Pengantin lelaki, pengantin perempuan dan wali dari zon merah pula diwajibkan untuk menjalani *swab test* terlebih dahulu; dan
- (i) Hanya mas kahwin dan dokumen yang berkaitan sahaja dibenarkan berada dalam ruang majlis.



LAMAN WEB RASMI  
[www.jawi.gov.my](http://www.jawi.gov.my)



FACEBOOK  
JAWIWP



INSTAGRAM  
jawi\_kl



TWITTER  
myJAWI



YOUTUBE  
myJAWIKL



FLICKR  
myjawikl



## SOALAN LAZIM (FAQ)

### PERNIKAHAN DALAM TEMPOH PKP 2.0 DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

- S:** Adakah permohonan kebenaran berkahwin dari negeri lain dibenarkan? Sekiranya tidak dibenarkan bagaimana pula kedudukan pasangan dari negeri lain yang telah mendapat kebenaran berkahwin di Wilayah-Wilayah Persekutuan sebelum PKP 2.0 diisytiharkan?
- J:** Permohonan kebenaran berkahwin dari negeri lain dalam tempoh PKP 2.0 adalah **ditangguhkan**. Bagi pasangan dari negeri lain yang telah mendapat kebenaran berkahwin di Wilayah Persekutuan juga ditangguhkan termasuklah jika salah seorang daripada pasangan itu bermastautin di Wilayah Persekutuan. Penangguhan ini selaras dengan SOP yang telah ditetapkan oleh MKN yang melarang pergerakan rentas negeri di seluruh negara.



LAMAN WEB RASMI  
[www.jawi.gov.my](http://www.jawi.gov.my)



FACEBOOK  
JAWIWP



INSTAGRAM  
jawi\_kl



TWITTER  
myJAWI



YOUTUBE  
myJAWI KL



FLICKR  
myjawikl



## SOALAN LAZIM (FAQ)

### PERNIKAHAN DALAM TEMPOH PKP 2.0 DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

- S:** Apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap pasangan dan keluarga yang tidak mematuhi SOP yang ditetapkan oleh JAWI?
- J:** Ketua Pendaftar NCR boleh **membatalkan mana-mana majlis akad nikah** akibat daripada kegagalan mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Mereka yang terlibat juga boleh dikenakan tindakan di bawah **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]**.



LAMAN WEB RASMI  
[www.jawi.gov.my](http://www.jawi.gov.my)



FACEBOOK  
JAWIWP



INSTAGRAM  
jawi\_kl



TWITTER  
myJAWI



YOUTUBE  
myJAWIKL



FLICKR  
myjawikl



## SOALAN LAZIM (FAQ)

### PERNIKAHAN DALAM TEMPOH PKP 2.0 DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

- S:** Adakah Surat Kebenaran Berkahwin yang dikeluarkan oleh JAWI boleh dijadikan sebagai dokumen jaminan untuk merentas negeri bagi tujuan berkahwin?
- J:** Sepertimana arahan Kerajaan yang telah dikeluarkan bahawa tiada sebarang kegiatan rentas negeri dibenarkan sepanjang tempoh PKP ini. JAWI juga tidak akan bertanggungjawab atas sebarang permohonan merentas negeri dengan menggunakan dokumen yang dikeluarkan oleh JAWI.



LAMAN WEB RASMI  
[www.jawi.gov.my](http://www.jawi.gov.my)



FACEBOOK  
JAWIWP



INSTAGRAM  
jawi\_kl



TWITTER  
myJAWI



YOUTUBE  
myJAWIKL



FLICKR  
myjawikl